

## **INOVASI DAN INTEGRITI TERAS KEMAJUAN MALAYSIA MADANI**

Inovasi dan integriti sering diperkatakan dan ditekankan oleh kerajaan dalam penyampaian perkhidmatan awam. Tanpa culas, saban tahun setiap agensi kerajaan menyambut Sambutan Hari Inovasi dan Integriti bagi meraikan budaya kerja produktif dan progresif. Hanya satu manifestasi pihak kerajaan agar penjawat awam sentiasa menambahbaik mutu perkhidmatan agar penyampaiannya terus dapat disampaikan dengan cemerlang kepada setiap rakyat Malaysia.

Daripada sudut bahasa, Inovasi ditakrifkan Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat sebagai "mengadakan sesuatu yang baharu", manakala melalui kamus yang sama, integriti pula diperincikan sebagai "kejujuran". Melalui pengertian yang telah dinyatakan maka tidak hairanlah dua kata kunci ini tidak lekang daripada aspirasi mana-mana pemegang tampuk pemerintahan negara ini sekalipun datang bersilih ganti. Hal ini kerana, inovasi dan integriti berhubungkait secara simbiosis dan merupakan harapan rakyat untuk melihat kerajaan yang telah dipilih ini memberikan mutu penyampaian perkhidmatan sektor awam yang sentiasa dalam keadaan yang terbaik.

Berjumlah 1.6 juta orang pada tahun 2019, dengan kapasiti ini tanpa ragu lagi perkhidmatan awam merupakan penyedia perkhidmatan yang utama kepada setiap warga Malaysia. Bersifat tidak berorientasikan keuntungan dan lebih mengutamakan kebajikan rakyat, penyampaian sektor awam menggalas beban amanah yang sangat besar. Justeru, pihak kerajaan sentiasa merevolusi segala ruang inovasi yang ada demi memastikan integriti tidak tergelincir daripada landasannya. Hal ini termasuklah dijalankan seawal minit pertama pintu perkhidmatan dibuka kepada orang awam. Sebagai contoh, setiap pagi penjawat awam mengetik waktu ketika hadir ke pejabat. Sistem kad perakam waktu yang pertama di negara ini diperkenalkan pada tahun 1982. Sistem ini sendiri ketika diperkenalkan merupakan sebuah inovasi kerana sebelumnya, kehadiran pekerja sektor awam hanyalah tercatat dalam sebuah buku daftar. Berbanding buku daftar yang boleh dimanipulasi maklumat kehadiran, sistem ini dapat membentuk integriti dan disiplin penjawat awam seperti hadir bekerja lebih awal bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Kini, majoriti sistem perakam waktu juga telah ditambahbaik oleh pihak kerajaan

daripada kaedah kad kepada biometrik dan lain-lain, seiring dengan peredaran kemajuan teknologi masa kini.

Selain itu, waktu bekerja perkhidmatan awam juga diinovasikan dengan adanya waktu bekerja fleksi (WBF) mulai tahun 2019. Dengan adanya WBF ini, kesesakan lalu lintas dan risiko kemalangan jalan raya ketika waktu pagi dan petang dapat dikurangkan berikutan fleksibiliti waktu masuk pejabat. Hal ini sudah tentu bukan sahaja memberikan ketenangan minda dalam mengatur kehidupan peribadi dan urusan rasmi kepada pekerja sektor awam, malah juga membantu perjalanannya trafik pekerja sektor swasta dan pelajar sekolah. Mengupas topik ini, keupayaan kerajaan dan penjawat awam dalam memberikan penyampaian perkhidmatan juga diuji apabila berlakunya penularan wabak COVID-19 pada tahun 2020 ini, apabila hampir keseluruhan tenaga kerja negara diminta untuk bekerja dari rumah. Inovasi terpaksa dilakukan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk mengaturlerak dan memberikan kebenaran bekerja dari rumah dalam mengimbangi keperluan perkhidmatan dan mengekang penularan wabak tersebut. Perkara ini, sungguhpun tidak pernah dirancang sebelumnya, ia telah mendapat kerjasama yang cemerlang dalam kalangan penjawat awam. Hal ini terbukti dengan penurunan penularan wabak dapat dicapai dalam tempoh yang singkat berbanding negara serantau dan pada masa yang sama pakej-pakej ransangan serta pemulihan ekonomi seperti PRIHATIN dan PENJANA tidak terhalang untuk direalisasikan jentera kerajaan. Perkara ini juga merupakan satu simbolik integriti penjawat awam oleh kerana sungguhpun kekangan berlaku untuk hadir secara fizikal di pejabat, tanggungjawab tetap dijalankan hatta berada di kediaman masing-masing.

Inovasi melalui fleksibiliti perkhidmatan juga ditawarkan pihak kerajaan dengan pewujudan Pusat Transformasi Bandar (UTC) di kota raya dan Pusat Transformasi Desa (RTC). Di UTC, perkhidmatan agensi-agensi kerajaan di tempatkan dalam satu premis supaya ketersampaian perkhidmatan dapat diakses oleh orang awam dengan cepat dan mudah. Waktu operasi UTC juga dipanjangkan lebih panjang daripada waktu pejabat biasa, seperti contoh di Semenanjung Malaysia, UTC beroperasi mulai jam 8.00 pagi sehingga 9.00 malam. Ianya turut dibuka pada hujung minggu mulai jam 8.00 pagi dan ditutup pada jam 5.00 petang. Sebagai gambaran, penulis boleh mendapatkan perkhidmatan Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Pengangkutan Jalan dalam waktu lebih anjal dan juga pada masa

sama, menjimatkan kos pengangkutan atau parkir berikutan dengan hanya sekali perjalanan dapat menyelesaikan pelbagai urusan dalam satu premis sahaja. Selain itu, perkara ini juga sudah tentu disambut baik para majikan kerana pekerja kurang termotivasi untuk mengambil cuti rehat atau keluar pejabat bagi berurusan dengan agensi-agensi kerajaan. Budaya kerja pantas dan kurang karenah birokrasi ini juga mencerminkan kesediaan pihak kerajaan untuk menambahbaik budaya integriti yang baik dalam kalangan penjawat awam dan rakyat.

Inovasi melalui pembangunan fizikal dapat kita lihat dengan pembangunan bandar pentadbiran Putrajaya. Bandar yang terancang yang mana lokasi asalnya dikenali sebagai Prang Besar, dibangunkan bagi menempatkan jentera kerajaan persekutuan dalam satu lokaliti. Inovasi ini juga membentuk budaya integriti yang cemerlang, yang mana penjawat awam dapat menguruskan masa dan keperluan antara keluarga dan kerjaya (*work-life balance*) dengan lebih baik berikutan tempat tinggal dan pejabat yang berdekatan. Keperluan mendesak seperti perkhidmatan di luar waktu pejabat dan mesyuarat hujung minggu juga dapat dibuat segera dengan adanya perbandaran dalam satu lokaliti yang sama. Selain itu, kos perkhidmatan kerajaan seperti tuntutan perjalanan menghadiri mesyuarat dan perkhidmatan pengeposan dokumen, serta kos sara hidup penjawat awam seperti pengangkutan ke tempat kerja dapat diturunkan dengan mendadak. Ketenangan minda (*peace of mind*) dan pengurangan kos sara hidup secara tidak langsung meminimumkan tekanan untuk penjawat awam untuk tidak berintegriti seperti curi tulang dan mengamalkan budaya makan suap demi menampung kos kehidupan. Konsep Putrajaya sebagai 'bandar sehenti' bagi memudahkan ketercapaian perkhidmatan kerajaan juga amat disambut baik oleh rakyat. Malah, kita seharusnya berasa bangga kerana konsep ini mendapat perhatian pemerintah negara jiran, Indonesia yang kini sedang giat membangunkan 'Jakarta baru' di wilayah Kalimantan.

Integriti modal insan turut mendapat tempat di hati Tun Abdullah Ahmad Badawi. Perdana Menteri Kelima ini menekankan pembangunan modal insan yang cemerlang di bawah gagasan 'Islam Hadhari'. Dalam era pentadbirannya, Pelan Integriti Nasional (PIN) telah diasaskan bagi membentuk masyarakat yang bermoral dan beretika, sekaligus menjadikan Malaysia sebuah negara yang berintegriti. PIN pula bukanlah retorik politik semata-mata, Pelan ini disokong dengan penubuhan Institut Integriti Malaysia pada 23 April 2004, bagi memastikan pelaksanaan PIN

terpandu dan dipantau. Di samping itu, integriti melalui fungsi pencegahan rasuah dipertingkatkan dengan perubahan Badan Pencegahan Rasuah (BPR) kepada badan yang lebih bebas, iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada tahun 2009. Usaha ini terbukti apabila badan ini diiktiraf Pejabat Pertubunan Bangsa-bangsa Bersatu berkenaan dengan Dadah dan Jenayah (UNODC) melalui pengiktirafan 23 amalan baik dan kejayaan usaha pencegahan rasuah. Malaysia juga memperbaiki kedudukan Indeks Persepsi Rasuah Transparency International dengan menduduki tempat ke-51 (2019) berbanding tempat ke-56 pada tahun pertama SPRM ditubuhkan. Malah, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) turut diumumkan bagi menyampaikan pendidikan dan membantu pembudayaan anti-rasuah dalam kalangan rakyat negara ini.

Kerajaan turut menginovasi dasar kerajaan apabila memperkenalkan Model Ekonomi Baharu (MEB) pada 30 Mac 2020. Melalui dasar baharu ini, liberalisasi ekonomi diwujudkan bagi menarik lebih pelaburan langsung asing ke dalam negara kita. Sebagai contoh, teras utama MEB adalah menghapuskan kuota pemilikan syarikat kepada kaum-kaum tertentu, sebagai penambahbaikan kepada Dasar Ekonomi Baharu (DEB) yang telah tamat pada tahun 1990. Selain menarik minat pelabur asing, kaedah penghapusan kuota ini juga mewujudkan lebih ruang integriti kerana birokrasi dapat dikurangkan serta menutup peluang lobi-melobi individu yang ingin mengisi kuota yang dimaksudkan.

Dalam mendepani cabaran pembangunan, kerajaan turut menginovasi ruang yang ada dalam agensi kerajaan agar perbelanjaan dapat dioptimumkan manakala hasil dapat dipertimbangkan. Hal ini dapat kita lihat melalui pengenalan Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau lebih dikenali sebagai 'NBOS' (*National Blue Ocean Strategy*). Salah satu projek yang masih dijalankan adalah projek usahasama antara Jabatan Penjara Malaysia, Kementerian Pertanian (melalui agensi MARDI) dan Angkatan Tentera Malaysia melalui Program Pemulihan Pemasarakatan (PPP) di Kem Syed Sirajuddin, Gemas. Melalui PPP, Angkatan Tentera Malaysia menyediakan tanah pertanian di tapak kem, pihak Jabatan Penjara Malaysia menyediakan tenaga buruh perladangan daripada banduan pra-bebas dan berisiko rendah, manakala pihak MARDI menyediakan khidmat rundingan pertanian dan jualan. Di sini, banduan menjalankan aktiviti pertanian seperti penternakan ikan keli, ayam, penanaman nanas, penghasilan minuman roselle dan sos halia, sebagai

memberi keyakinan dan pendedahan kemahiran hidup pasca pembebasan. Di samping itu, kerajaan mendapat hasil produk pertanian dan juga menjimatkan kos pembinaan serta operasi penjara baharu melalui penempatan banduan pra-bebas dan berisiko rendah di kem tentera.

Demikianlah sedikit sebanyak coretan minda penulis berkaitan dengan usaha penerapan inovasi dan integriti dalam kerajaan dan perkhidmatan awam. Dalam usia kemerdekaan negara ini yang telah menginjak 63 tahun, sudah tentu banyak lagi contoh-contoh yang tidak dapat diketengahkan dalam limitasi penulisan yang terhad ini. Sebagai intihati, teruskanlah menyokong usaha kerajaan yang murni dalam menginovasi penyampaian perkhidmatan awam dan mengintegriti jiwa jenteranya dalam memberikan servis yang terbaik kepada rakyat jelata. Dengan izinNya jua, usaha yang digembler sejak sekian lama sedang dan akan terus membuah hasil demi kemajuan lahiriah dan kelangsungan modal insan yang cemerlang, tidak lain dan tidak bukan, demi negara yang tercinta ini - Malaysia.

AHMAD MUHYIDDIN HASHIM (90719-13659)